



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

**INSIDEN 7 PELAJAR DIKEJAR KE HOSPITAL AKIBAT TERHIDU GAS AMMONIA  
DI SHAH ALAM**

Putrajaya, 16 Ogos – 7 pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Chung Hwa Klang dikejar ke hospital akibat terhidu gas ammonia yang bocor daripada Kilang Everest Ice, Shah Alam, Selangor pagi tadi. Setakat jam 12.00 tengahari, usaha-usaha mengawal dan memantau bacaan gas amonia di kawasan kilang dan persekitaran sedang giat dijalankan oleh pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) akan menyambung semula siasatan bagi mengenalpasti punca kebocoran gas setelah mendapat kebenaran memasuki tapak daripada pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia. Notis Larangan (*Notice of Prohibition*) telah dikeluarkan oleh JKKP pada 14 Ogos 2018 yang lepas dan ianya masih belum dibatalkan. JKKP akan mengambil tindakan perundangan jika terdapat pelanggaran terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 dan Akta Kilang dan Jentera, 1967.

###

Tarikh siaran: 16 Ogos 2018

Dikeluarkan oleh:  
Ketua Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

---

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Aras 1,3,4 dan 5, Blok D4,  
Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62530 WP Putrajaya  
No Tel: 03-8886 5264  
Emel: [projkkp@mohr.gov.my](mailto:projkkp@mohr.gov.my)  
Facebook: @doshmalaysia